



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV (9)
2 Mei 1998

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 9/1998:
Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab
Di Sekolah Kebangsaan**

Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral telah pun menjalankan projek rintis pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di 98 buah sekolah di seluruh negara sepanjang tahun 1997. Sehubungan itu, huraian sukatan pelajaran dan bahan pengajaran dan pembelajaran telah pun diedarkan ke sekolah-sekolah melalui guru-guru yang diberi kursus pendedahan mengenainya.

2. Surat Pekeliling Ikhtisas ini adalah dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan keputusan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan.

3. Pelaksanaan program ini, bagi semua sekolah, adalah bermula pada awal penggal persekolahan 1998 dan jadual pelaksanaan sepenuhnya adalah seperti berikut:

Tahun	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Tahun 1	rintis	pelaksanaan	→	→	→	→
Tahun 2		rintis	pelaksanaan	→	→	→
Tahun 3			rintis	pelaksanaan	→	→
Tahun 4				rintis	pelaksanaan	→
Tahun 5					rintis	pelaksanaan
Tahun 6						rintis

4. Peruntukan masa bagi mata pelajaran Bahasa Arab Sekolah Kebangsaan, Tahun 1 hingga Tahun 6, ialah 120 minit (30 minit x 4 waktu). Masa tersebut diperolehi dengan mengambil:

- 4.1 30 minit daripada waktu pilihan Guru Besar,
- 4.2 60 minit daripada mana-mana waktu persekolahan yang sesuai,
- 4.3 30 minit dengan melewati 10 minit setiap hari untuk 3 hari seminggu (bagi sekolah sesi pagi) atau diawalkan 10 minit untuk 3 hari seminggu (bagi sekolah sesi petang).


ATAU

Kelas-kelas yang terlibat dengan pengajaran Bahasa Arab yang dimulakan 30 minit lebih awal daripada waktu persekolahan (bagi sekolah sesi petang) atau masa pulang dilewatkan 30 minit (bagi sekolah sesi pagi).

5. Penentuan masa dalam perkara 4.1 - 4.3 adalah mengikut kebijaksanaan dan budi bicara Guru Besar.
6. Pihak sekolah hendaklah menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab jika terdapat 15 orang atau lebih murid yang berminat mempelajarinya. Surat kebenaran secara bertulis daripada ibu bapa atau penjaga hendaklah diperolehi sebelum murid berkenaan menyertai kelas Bahasa Arab.
7. Untuk membuka kelas Bahasa Arab, pihak sekolah perlulah memastikan:
 - 7.1 Terdapatnya kemudahan bilikdarjah,
 - 7.2 Mempunyai guru yang berkebolehan mengajar mata pelajaran Bahasa Arab,
 - 7.3 Dapat memenuhi masa 120 minit (4 x 30) seminggu.
8. Semua kelas Bahasa Arab hendaklah dimulakan sebaik sahaja penggal persekolahan bermula pada setiap tahun. Pihak pengurusan sekolah juga hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan kelas Bahasa Arab termasuk dalam jadual waktu harian sekolah.
9. Sebagai langkah sementara, sehingga terdapatnya peruntukan guru Bahasa Arab yang khusus, mana-mana guru yang mempunyai kemahiran Bahasa Arab bolehiah diberi tugas untuk mengajar mata pelajaran tersebut.
10. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua Guru Besar di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 8. Ketua Nazir Sekolah
 9. Pegawai Perhubungan Awam